

LAWATAN PENGARAH KERJA RAYA SARAWAK KE TAPAK PROJEK CRCP DI JUNCTION 5 TEKNOLOGI BAHARU PERBAIKAN JALAN DILAKSANAKAN BUAT PERTAMA KALI DI SARAWAK



Pengarah Kerja Raya Sarawak, YBhg Datu Adj. Prof. Ir. Ts. Gs. Br. PMr. Dr. Cassidy anak Morris, hari ini melakukan lawatan kerja ke tapak projek baik pulih jalan di Junction 5, bagi meninjau pelaksanaan teknologi Continuous Reinforced Concrete Pavement (CRCP), kaedah yang digunakan buat pertama kali di Sarawak dalam kerja penyelenggaraan jalan raya.

Dalam sesi lawatan tersebut, beliau diberi taklimat mengenai pelaksanaan CRCP, satu kaedah pembinaan turapan konkrit bertetulang berterusan yang direka untuk menampung muatan berat, tekanan trafik berintensiti tinggi, serta menawarkan ketahanan jangka panjang. Kaedah ini dilaksanakan sebagai penyelesaian strategik bagi mengatasi kerosakan jalan yang kerap berlaku akibat aliran kenderaan berat di kawasan tersebut.

Pelaksanaan CRCP di Junction 5 turut melibatkan penggunaan jentera khas yang dibawa masuk khusus untuk memastikan mutu turapan memenuhi standard teknikal yang ditetapkan. Pengarah Kerja Raya Sarawak menzahirkan penghargaan kepada pasukan teknikal JKR dan kontraktor atas pendekatan inovatif ini, yang jelas mencerminkan penambahbaikan dalam teknologi penyelenggaraan jalan raya negeri.

Inisiatif ini menggambarkan komitmen berterusan JKR Sarawak dalam meningkatkan kualiti infrastruktur jalan raya melalui penggunaan teknologi yang lebih efisien, mampan dan tahan lama selaras dengan We Build For You.